



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Tetap/Kontrak di UiTM (Melaka)**

BIL.	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
KUMPULAN PELAKSANA				MINIMUM	MAKSIMUM
1	PENGAWAL KESELAMATAN	KP11	Pengawal Keselamatan	RM837.00	RM2,619.00

SYARAT KELAYAKAN

(1) PENGAWAL KESELAMATAN (GRED KP11)(TETAP)

Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
 - (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11:RM837.00 ; atau
 - (ii) Bekas Konstabel Polis Diraja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11:RM837.00);
- (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) Mempunyai ukuran indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm semasa menarik nafas 84 sm (lelaki sahaja);
 - (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
 - (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.
 - (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftardan
- (e) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a. Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA.
- b. Borang dan syarat-syarat permohonan boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM (Melaka) di <http://www.melaka.uitm.edu.my>
- c. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- d. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemas kini.
- e. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh tutup permohonan adalah pada hari **Selasa** , tarikh **3 Mei 2016**.

Sila kemukakan permohonan kepada:



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MELAKA
KM26 JLN LENDU
78000 ALOR GAJAH
MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH**

No Tel : +(606)-558 2000